



PROGRAM derma darah itu diadakan di Perpustakaan UPMKB.

43 pain darah dikumpul

BINTULU: Sebanyak 43 pain darah berjaya dikumpul menerusi program derma darah anjuran Majlis Perwakilan Kolej (MPK) Kolej Sri Rajang (KSR) Sesi 2023/2024 di Universiti Putra Malaysia (UPM) Kampus Bintulu di sini, baru-baru ini.

Menurut satu kenyataan daripada UPMKB, program KSR Blood Donation Series 2023: 'Once A Blood Donor, Always A Lifesaver' itu dilakukan dengan kerjasama Bahagian Tabung Darah, Hospital Bintulu.

Seramai 90 penderma yang hadir dan mendaftar untuk menyertai program itu, bermula pada 9.00 pagi hingga 1.00

tengah hari di Perpustakaan UPMKB.

"Peserta terdiri daripada pelbagai latar belakang termasuklah pelajar, kaki tangan UPMKB dan juga orang awam yang turut sama-sama hadir memeriahkan lagi program ini.

"Jutaan penghargaan kepada semua penaja, sukarelawan serta jawatankuasa yang bertungkus lumus menjalankan tugas, semua yang menaja makanan dan minuman, serta pihak hospital atau tabung darah yang membantu menjayakan KSR Blood Donation Series 2023: 'Once A Blood Donor, Always A Lifesaver'," kata kenyataan itu.